

**Parlimen: Lebih 15,000 Jemaah Haji Berdaftar Berumur 75 Tahun Ke Atas - Jamil Khir
Bernama
26 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Lebih 15,000 dari 999,070 jemaah haji yang berdaftar dengan Lembaga Tabung Haji adalah mereka yang berumur lebih 75 tahun, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Beliau berkata atas faktor keprihatinan, Tabung Haji memberi keistimewaan kepada kes rayuan melibatkan jemaah haji di usia emas atau yang dipilih menjadi mahram kepada jemaah haji berkenaan.

"Secara umumnya, kuota haji Malaysia ialah 27,900 jemaah setahun, maka giliran menunggu untuk menunaikan haji adalah dalam tempoh 35 tahun.

"Bagaimanapun, Tabung Haji prihatin dan membuat pertimbangan dan memberikan keistimewaan kepada kes-kes rayuan golongan yang pada usia lanjut," katanya pada sesi soal jawab persidangan Dewan Rakyat di sini pada Rabu.

Beliau menjawab soalan Datuk Ismail Mohamad Said (BN-Kuala Krau) yang ingin tahu usaha yang dijalankan supaya kuota haji negara tidak terjejas berikutan insiden perhimpunan haram melibatkan segelintir rakyat Malaysia di Tanah Suci pada 28 April lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=697411>